



**KEDUTAAN BESAR MALAYSIA
RABAT, MAGHRIBI**

PANDUAN PERJALANAN

**KOS KUARANTIN BAGI WARGANEGARA MALAYSIA DAN BUKAN WARGANEGARA
YANG DIBENARKAN UNTUK MEMASUKI MALAYSIA MULAI 1 JUN 2020**

Merujuk kepada penularan wabak Covid-19 dan mulai 1 Jun 2020, warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara adalah diwajibkan membayar 50 peratus daripada kos kuarantin selama 14 hari di pusat kuarantin yang ditetapkan iaitu sebanyak RM1,050.00.

Bagi warganegara asing yang dibenarkan untuk masuk ke Malaysia semasa tempoh Perintah Pergerakan Terkawal (Movement Control Order), mereka perlu membayar 100 peratus (RM2,100.00) bagi tujuan ini. Kategori warganegara asing yang dibenarkan untuk masuk ke Malaysia adalah seperti berikut:

- Pasangan dan anak-anak kepada warganegara Malaysia dan pasport mereka hendaklah mempunyai visa yang menyatakan status mereka;
- Pemegang pasport diplomatik dan pasport rasmi atas urusan diplomatik;
- Pemastautin Tetap (Permanent Resident) yang mempunyai kaf MyPR; dan
- Pemegang Malaysia My Second Home Visa (MM2H)

Pemilihan lokasi pusat kuarantin adalah tidak dibenarkan.

Dalam hal ini, semua individu yang akan memasuki Malaysia bermula 1 Jun 2020 perlu mempunyai:

- Surat AkuJanji dan Indemniti (Surat Aku Janji) / *Letter of Undertaking and Indemnity Person Under Surveillance (LoU)*; dan
- Surat Kelulusan Perjalanan / *Journey Permission Letter* untuk ke Malaysia yang dikeluarkan oleh Kedutaan Besar Malaysia di Rabat, Maghribi.

(1) "SURAT AKU JANJI" / LOU (Boleh dimuat turun dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris)

- Bagi warganegara Malaysia, Surat Aku Janji tersebut boleh dimuat turun di [SINI](#).
- Bagi warganegara asing yang dibenarkan untuk masuk ke Malaysia semasa tempoh Perintah Pergerakan Terkawal, Surat Aku Janji tersebut boleh dimuat turun di [SINI](#).
- Panduan mengenai Proses Kemasukan dan Kuarantin boleh dimuat turun bersama-sama Surat Aku Janji tersebut.

(2) **SURAT KELULUSAN PERJALANAN UNTUK KE MALAYSIA**

- Sila emelkan Surat Aku Janji yang telah lengkap di isi bersama-sama salinan MyKad / Passport / dan Visa Sosial Jangka Panjang (Yang mana berkaitan) ke Kedutaan Besar Malaysia di Rabat (mwrabat@kln.gov.my).
- Pihak Kedutaan akan mengeluarkan Surat Kelulusan Perjalanan / *Journey Permission Letter* dalam tempoh minima 3 hari bekerja (72 jam). Surat ini hanya dikeluarkan untuk mereka yang akan berlepas dari Maghribi dan Mauritania sahaja.

Setibanya di Malaysia, anda perlu menyerahkan Surat Aku Janji dan Surat Kebenaran Untuk Ke Malaysia kepada wakil Agensi Pengurusan Bencana Negara di Lapangan Terbang Antarabangsa di Malaysia.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah diajukan kepada Seksyen Konsular di Kedutaan melalui emel ke mwrabat@kln.gov.my. Sila ambil maklum bahawa pihak Kedutaan tidak menerima sebarang permohonan *walk-in*.

Rabat
29 Mei 2020

